**BAB 8**
**KEBANGKITAN SEMANGAT KEBANGSAAN UNTUK MENGANGKAT MARTABAT BANGSA**

1 Maklumat berikut menerangkan pengertian…

| |
|---|
| Perasaan cinta dan taat setia kepada bangsa dan tanah air |
| Wujud gerakan untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan |

A Kronisme
B Imperialism
C Nasionalisme
D Kolonialisme

2

Dato' Onn Jaafar

Ishak Hj. Muhammad

bdul Hadi Hasan

Senarai di atas merupakan tokoh nasionalis Tanah Melayu pada kurun ke-20. Apakah yang diperjuangkan oleh mereka?

I Perasaan bencikan penjajah
II Perasaan sayang akan Negara
III Perasaan hormat terhadap penjajah
IV Perasaan kecintaan terhadap bangsa

A I,II dan III
B I,II dan IV
C I,III dan IV
D II,III dan IV

3 Apakah matlamat terakhir yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis?

A Memajukan ekonomi bangsa
B Membaiki taraf hidup rakyat
C Menghapuskan budaya Barat
D Memperjuangkan kemerdekaan

4 Mengapakah golongan nasionalis sebelum Perang Dunia Kedua dianggap bersifat sederhana?

A Menentang penjajah secara radikal
B Memperjuangkan kemerdekaan mutlak
C Mementingkan kesedaran politik rakyat
D Mengembalikan sistem pemerintahan feudal

5

| Tahun | Bentuk perjuangan |
|---|---|
| Kurun ke-19 | Bersifat setempat |
| Kurun ke-20 | Bersifat kebangsaan |

Jadual di atas menunjukkan perubahan dalam bentuk gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Antara faktor yang menyumbang kepada perubahan di atas ialah

I Penubuhan persatuan
II Peranan media cetak
III Sokongan pemerintah
IV Sikap tolak ansur penjajah

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

6 Mengapakah semangat menular dalam kalangan penduduk tanah melayu pada awal ke-20?

A Penigkatan taraf hidup masyarakat
B Penubuhan Malaysia yang berdaulat
C Penentangan terhadap penjajahan British
D Pembetukan budaya bangsa yang gemilang

7 Tokoh berikut telah mempelopori Gerakan Islah di Timur Tengah pada tahun 1882.

| |
|---|
| Sayid Jamaluddin al- Afghani |
| Syeikh Muhammad Abduh |

Apakah matlamat pejuangan tokoh tersebut

I Mementingkan pendidikan Islam
II Memperluas pengaruh agama
III Menentang penjajah Barat
IV Menyatukan seluruh umat Islam

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Peristiwa berikut telah berlaku di Asia Tenggara pada awal kurun kkke-20

Perang Rusia-Jepun
Revolusi China

Apakah implikasi peristiwa tersebut kepada penduduk Tanah Melayu?

| | |
|---|---|
| A | Kebangkitan gerakan kebangsaan |
| B | Kerjasama kaum bertambah kukuh |
| C | Pembentukan pasukan tentera yang mantap |
| D | Penentangan secara radikal |

9 Pernanyaan berikut mengambarkan kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Kerajaan Turki Uthmaniyah bermula pada awal abad ke-14 dan berakhir pada awal abad ke-20. Kerajaan ini mampu bertahan hampir 600 dadah.

Mengapakah kerajan tersebut mengalami kemerosotan pada awal kurun ke-20?

| | |
|---|---|
| A | Penjajahan kuasa barat |
| B | Kegagalan Gerakan Pan Islam |
| C | Berlakunya Perang Dunia Kedua |
| D | Kemerosotan ekonomi perdagangan |

10 Gerakan Pan-Islam Turki
Gerakan Pemulihan Islam Mesir

Apakah kesan perkembangan gerakan di atas kepada Tanah Melayu?

| | |
|---|---|
| A | Menyebarkan agama Islam |
| B | Mencetuskan semangat kebangsaan |
| C | Menyatukan golongan intelektual Melayu |
| D | Mengeratkan perpaduan seluruh umat Islam |

11 Sayid Jamaluddin al-Afghani
Syeikh Muhammad Abduh

Bagaimanakah idea Gerakan Islah pemimpin di atas tersebar ke Tanah Melayu?

| | |
|---|---|
| A | Melalui media elektronik |
| B | Melalui Kesatuan Melayu Muda |
| C | Melalui lawatan ke Tanah Melayu |
| D | Melalui pelajar lepasan Timur Tengah |

12

Golongan Nasionalis Melayu
- Pelajar lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris
- Golongan berpendidikan Inggeris

Bagaimanakah golongan nasionalis di atas memperjuangkan kesedaran nasionalisme di kalangan orang Melayu pada kurun ke-20?

| | |
|---|---|
| I | Memajukan bidang ekonomi |
| II | Memajukan bidang pendidikan |
| III | Menyatukan orang Melayu menentang British |
| IV | Meningkatkan peluang dalam bidang pentadbiran |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | II dan III |
| C | III dan IV |
| D | I dan IV |

13

| Negara | Tokoh |
|---|---|
| Filipina | Jose Rizal |
| China | Dr. Sun Yat Sen |
| India | Mahatma Gandhi |

Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh dalam senarai di atas?

| | |
|---|---|
| A | Perpaduan rakyat |
| B | Kedaulatan negara |
| C | Kemajuan penduduk |
| D | Pembangunan ekonomi |

14

| Negara | Perkara |
|---|---|
| Turki | Gerakan Pan-Islam |
| Mesir | Gerakan Islah |

Apakah persamaan yang terdapat pada gerakan di atas?

| | |
|---|---|
| A | Bersifat sederhana |
| B | Berjuang melalui rundingan |
| C | Menentang penjajahan Barat |
| D | Mengutamakan bidang pendidikan |

15

| Negara | Tokoh nasionalis |
|---|---|
| China | Dr. Sun Yat Sen |
| Indonesia | Soekarno |

Bagaimanakah tokoh di atas menggerakkan semangat nasionalisme di negara mereka?

A Melalui revolusi
B Melalui rundingan
C Melalui pilihan raya
D Melalui parti komunis

16 Tokoh berikut telah memimpin Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20

Syeikh Muhammad tahir Jalaludin
Haji Abbas Muhammad Taha

Apakah seruan yang diperjuangkan oleh tokoh tersebut?

A Menitikberatkan kepentingan fardhu ain sahaja
B Meminta penduduk tempatan bersatu menentang British
C Menyeru orang Melayu berpegang pada awal al-Quran dan hadis
D Menggesa pemuda Melayu menceburkan diri dalam perniagaan

17 Rajah berikut menerangkan akhbar yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyebarkan idea pembaharuan mereka.




Apakah X?

A Majlis
B Neracha
C Suara Benar
D Lidah Benar

18 Maklumat berikut merupakan akhbar yang diterbitkan oleh Kaum Tua

Suara Benar
Lidah Benar

Apakah tujuan penerbitan akhbar tersebut?

A Mengkritik idea Kaum Tua
B Mengkritik peranan pembesar Melayu
C Menyeru Kaum Muda menentang British
D Menasihati kaum wanita meningkatkan pendidikan

19 Akhbar berikut diterbitkan oleh Kaum Muda

Al-Ikhwan
Pengasuh
Saudara

Apakah idea perjuangan yang diketengahkan oleh akhbar tersebut?

A Menyampaikan mesej kesengsaraan akibat perjuangan
B Membangkitkan semangat kebangsaan di negara Islam
C Menyeru umat Islam mengamalkan ajaran Islam sebenar
D Menggesa penduduk Tanah Melayu bersatu padu

20 Maklumat berikut berkaitan Kaum Tua.

Terdiri daripada golongan ulama dan pegawai agama.

Menentang idea pembaharuan oleh Kaum Muda.

Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kaum Tua untuk menentang Kaum Muda?

A Menubuhkan madrasah untuk menyebarkan idea
B Menulis surat bantahan kepada pembesar
C Menganggotai Kesatuan Melayu Muda
D Menerbitkan akhbar Lidah Benar

21 Tokoh berikut telah berjasa kepada negara kita.

Abdul Hadi Hassan
↓
Pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris

Apakah jasa beliau?

A Menyemai sikap mengkritik penjajah

B Menitikberatkan pengetahuan sejarah negara

C Melahirkan guru Melayu berpendidikan Barat

D Memupuk semangat kebangsaan dalam kalangan pelajar

22

> Suara Benar
>
> Lidah Benar

Apakah tujuan Kaum Tua menerbitkan akhbar di atas?

A Memperjuangkan kemerdekaan

B Menyeru orang Melayu menuntut ilmu

C Menghargai sumbangan golongan ulama

D Menentang penyebaran idea Kaum Muda

23 Berdasarkan akhbar Al-Imam, bagaimanakah orang Melayu mampu mencapai kejayaan di dunia dan akhirat?

I Mengenepikan kepercayaan karut

II Mengutamakan bidang pendidikan

III Kembali kepada ajaran Islam sebenar

IV Bersatu menuntut kemerdekaan negara

A I,II dan III

B I,II dan IV

C I,III dan IV

D II,III dan IV

24

> Mengingatkan mereka yang lalai dan menjagakan mereka yang tidur dan menunjukkan mereka yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebaikan

Petikan di atas merujuk kepada tujuan penubuhan akhbar

A Neracha

B Al-Imam

C Al-Ikhwan

D Suara Benar

25

> Neracha
>
> Pengasuh
>
> Saudara

Antara isu yang sering diketengahkan oleh akhbar di atas ialah

I Ekonomi orang Melayu

II Pendidikan orang Melayu

III Kemerdekaan Tanah Melayu

IV Perpaduan penduduk Tanah Melayu

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

26

> Tokoh X → 
> - Lulusan dari Universiti al-Azhar, Mesir.
> - Menerbitkan majalah Al-Imam.
> - Pernah dilantik sebagai Mufti negeri Perak.

Berdasarkan rajah di atas, tokoh X ialah

A Syed Syeikh al-Hadi

B Syeikh Muhammad Abduh

C Haji Abbas Muhammad Taha

D Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin

27

> Kaum Muda → Penentangan idea → Kaum Tua

Bagaimanakah Kaum Tua menghadapi pertentangan idea di atas?

A Menerbitkan akhbar

B Menubuhkan persatuan

C Menubuhkan institusi pendidikan

D Mengeluarkan fatwa rasmi kerajaan

28 Tokoh berikut merupakan golongan intelektual berpendidikan Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris

> Harun Aminurrashid
>
> Ibrahim Haji Yaacob

Bagaimanakah tokoh tersebut menggerakkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu?

A Memajukan ekonomi orang Melayu
B Menekankan perpaduan penduduk
C Memupuk jati diri yang tinggi
D Menubuhkan parti politik

29 Tokoh berikut merujuk kepada golongan nasionalis berpendidikan Inggeris di Tanah Melayu.

Dato' Onn Jaafar

Mohammad Eunos Abdullah

Apakah usaha yang dilakukan oleh tokoh tersebut untuk memperjuang kepentingan orang Melayu?

I Melalui penulisan
II Menubuhkan sekolah
III Menggubal perundangan
IV Menubuhkan persatuan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

30 Rajah berikut menerangkan perkara yang dituntut oleh Raja Chulan untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu.




Apakah X?

A Menambah peluang orang Melayu dalam sektor kerajaan
B Memberi peluang pendidikan yang sama kepada umum
C Membenarkan orang Melayu menubuhkan parti politik
D Mengurangkan belangan kemasukan imigran

31 Harun Aminurrashid

Abdul Hadi Hasan

Bagaimanakah tokoh nasionalis di atas memperjuangkan kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu?

A Melalui gerakan sulit
B Melalui bidang pendidikan
C Mengasaskan Kesatuan Melayu Muda
D Mengadakan kerjasama dengan Jepun

32




Golongan intelektual di atas bergabung tenaga untuk meningkatkan kesedaran kebangsaan orang Melayu. Antara bidang yang diberi tumpuan oleh mereka ialah

I Ekonomi
II Pendidikan
III Ketenteraan
IV Tindakan politik

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

33 Za'ba

Bagaimanakah tokoh di atas menimbulkan kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat Tanah Melayu?

A Melalui penulisan puisi
B Melalui gerakan politik
C Melalui pertubuhan Melayu
D Melalui institusi pentadbiran

34 Mohammad Eunos Abdullah

Dato'Onn Jaafar

Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh di atas?

A Kesedaran kebangsaan

B Perpaduan kebangsaan

C Pendidikan orang Melayu

D Kebajikan kaum pendatang

35

| Tokoh | Peranan |
|---|---|
| X | Berpendidikan Inggeris di Kolej Melayu Kuala Kangsar.<br><br>Dilantik sebagai Ahli Majlis Tidak Rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor. |

Berdasarkan maklumat di atas, X ialah

A Raja Chulan

B Dato' Onn Jaafar

C Abdul Kadir Adabi

D Ishak Haji Muhammad

36

| Nasionalisme Berpendidikan Inggeris |
|---|
| Raja Chulan<br><br>Mohammad Eunos Abdullah<br><br>Dato' Onn Jaafar |

Bagaimanakah tokoh di atas membela nasib orang Melayu daripada pihak British?

I Menubuhkan persatuan

II Melalui bidang penulisan

III Menggubal undang-undang

IV Menasihati pentadbiran British

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

37 Senarai berikut merupakan akhbar yang berpengaruh di Tanah Melayu pada tahun 1930-an.

| |
|---|
| Warta Malaya<br><br>Utusan Melayu<br><br>Majlis |

Apakah peranan akhbar tersebut dalam membangkitkan semangat nasionalisme?

I Menghapuskan semangat kenegerian

II Membentuk keperibadian bangsa

III Menuntut persamaan hak

IV Mengkritik dasr British

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

38 Jadual berikut merupakan akhbar yang memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

| Akhbar | Pengarang |
|---|---|
| Majlis | Abdul Rahim Kajai |

Apakah isu yang diutarakan oleh akhbar tersebut?

A Mempertahan maruah bangsa

B Sosioekonomi orang Melayu

C Penubuhan persatuan

D Kelemahan dasar British

39 Rajah berikut menunjukkan akhbar penting yang diterbitkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.




Apakah akhbar X?

A Warta Malaya

B Utusan Melayu

C Al-Ikhwan

D Majlis

40 Bagaimanakah tokoh berikut memperjuangkan kepentingan orang Melayu?

| | |
|---|---|
| Abdul rahim Kajai | |

A Penubuhan persatuan
B Bidang kewartawanan
C Konvensyen kebangsaan
D Gerakan Reformis Islam

41 Senarai berikut merupakan akhbar yang diterbitkan oleh masyarakat Cina di Tanah Melayu.

| |
|---|
| Lat pau<br><br>Nanyang Siang Pau<br><br>Sin Chew Jit Poh |

Apakah isu yang ditulis oleh akhbar tersebut?

I Kebangkitan penduduk tempatan menentang British
II Kegiatan sosial dan ekonomi di Tanah Melayu
III Peristiwa yang berlaku di negara China
IV Perkembangan politik orang Melayu

42 Jadual berikut berkaitan masyarakat yang wujud di Tanah Melayu.

| Masyarakat | Huraian |
|---|---|
| X | Hasil perkahwinan orang India dan Melayu |
| | Wujud apabila saudagar India berkahwin dengan wanita tempatan |

Apakah masyarakat X?

A Jawa peranakan
B Cina peranakan
C Baba dan Nyonya
D India muslim

43 Akhbar berikut telah digunakan sebagai bahan rujukan di sekolah Melayu.

| | |
|---|---|
| Tahun | 1888 |
| Akhbar | Sekolah Melayu |

Apakah kepentingan akhbar tersebut?

A Menuntut hak dikembalikan
B Merebut peluang ekonomi
C Menyemai sikap suka belajar
D Memupuk sikap benci penjajah

44 Rajah berikut merupakan akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan oleh orang Cina peranakan di Tanah Melayu.

1894
↓
Bintang Timor

Apakah isu yang dilaporkan oleh akhbar tersebut?

A Kelemahan dasar British
B Kemunduran orang Melayu
C Pemberontakan Dato' Bahaman
D Mengkritik sikap pembesar Melayu

45 Isu berikut telah ditulis dalam akhbar yang diterbitkan oleh masyarakat Cina peranakan pada tahun 1930.

| |
|---|
| Mengupas hal ehwal masyarakat Cina peranakan yang menunjukkan kesetiaan kepada British |

Apakah akhbar tersebut?

A Bintang Timor
B Bintang Peranakan
C Surat khabar Peranakan
D Khabar Uchapan Baru

46 Senarai berikut merupakan puisi yang dihasilkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

| |
|---|
| Tenaga Kaumku |
| Serunai Pujangga |
| Dunia Yang Fana |

Apakah tema yang disampaikan oleh puisi tersebut?

A Semangat nasionalisme
B Keunikan budaya bangsa

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | C | Kedaulatan negara tercinta |
| | | D | Keistimewaan orang Melayu |

47 Maklumat berikut merupakan mesej yang ingin disampaikan oleh Pak Sako dalam novel beliau.

| |
|---|
| Membela nasib bangsa |
| Mengkritik dasar British |

Apakah novel tersebut?

| | |
|---|---|
| A | Mari Kita Berjuang |
| B | Hikayat Fridah Hanum |
| C | Putera Gunung Tahan |
| D | Melor Kuala Lumpur |

48 Bagaimanakah golongan berikut membangkitkan semangat kebangsaan orang Melayu untuk menentang penjajahan British.

| |
|---|
| Guru<br><br>Wartawan |

| | |
|---|---|
| A | Menubuhkan persatuan Melayu |
| B | Mencetus idea melalui penulisan |
| C | Mengadakan ceramah kesedaran |
| D | Meningkatkan mutu pendidikan |

49 Maklumat berikut berkaitan Kesatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1926.

| |
|---|
| Diasaskan oleh Mohammad Eunos Abdullah<br><br>Dianggotai oleh golongan bangsawan, kakitangan kerajaan, wartawan, dan peniaga. |

Apakah matlamat penubuhan Kesatuan tersebut?

| | |
|---|---|
| I | Membaiki taraf hidup orang Melayu |
| II | Mengembalikan hak keistimewaan orang Melayu |
| III | Mementingkan peranan orang Melayu dalam politik |
| IV | Meningkatkan pendidikan orang Melayu |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

50 Peristiwa berikut telah dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1939 | Kongres Melayu Se- Tanah Melayu diadakan di Kuala Lumpur |

Apakah tujuan kongres tersebut diadakan?

| | |
|---|---|
| A | Mewujudkan perpaduan orang Melayu |
| B | Menuntut kemerdekaan daripada British |
| C | Memulihkan kedudukan Raja-Raja Melayu |
| D | Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu |

51 Cogan kata berikut menjadi pegangan sebuah pertubuhan untuk membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.

| |
|---|
| "Hidup Bahasa Hidup Bangsa" |

Apakah pertubuhan tersebut?

| | |
|---|---|
| A | Kesatuan Melayu Muda |
| B | Kesatuan Melayu Singapura |
| C | Persatuan Melayu Kelantan |
| D | Persaudaraan Sahabat Pena Malaysia |

52 Perjuangan Kesatuan Melayu Muda yang

dipimpin oleh tokoh berikut amat membimbangkan British.

Ibrahim Haji Yaakob

Mengadakan pakatan sulit dengan Jepun

Menggunakan akhbar Warta Malaya untuk membangkitkan sentimen anti British

Apakah implikasi kepada tokoh tersebut?

A Dihukum bunuh
B Diberi pencen
C Dilucut jawatan
D Dipenjarakan

53 Rajah berikut menerangkan matlamat perjuangan Persatuan Melayu Selangor.




Apakah X?

A Mewujudkan Melayu Raya
B Bilangan askar Melayu ditambah
C Menghapuskan semangat kenegerian
D Penglibatan orang Melayu dalam perniagaan

54 Maklumat berikut merujuk kepada Kesatuan Melayu Muda yang ditubuhkan pada tahun 1938.

Diasaskan oleh Ibrahim Haji Yaacob

Merupakan sebuah pertubuhan Melayu pertama yang bersifat politik

Mengapakah British menganggap perjuangan kesatuan tersebut bersifat radikal?

I Bantahan menggunakan senjata
II Menuntut kemerdekaan segera
III Penentangan secara terbuka
IV Dasar tidak bekerjasama

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

55 Persatuan berikut merupakan sebuah persatuan India yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1936.

| Pemimpin | Persatuan |
|---|---|
| A.M.Soosay | Persatuan India Pusat Tanah Melayu |

Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut?

A Menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu
B Meningkatkan pendidikan orang India
C Menuntut hak kerakyatkan yang sama
D Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu

56 Kesatuan Melayu Muda

Kesatuan Melayu Singapura

Apakah sumbangan pertubuhan di atas kepada orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?

A Menggerakkan perpaduan orang Melayu
B Menuntut kemerdekaan daripada British
C Mengutamakan agama dalam kehidupan
D Menggalakkan pembukaan sekolah Melayu

57

Ahmad Boestamam

Mustapha Husein

Ibrahim Haji Yaacob

Apakah persaman antara tokoh di atas?

| | |
|---|---|
| A | Mempelopori Gerakan Islah |
| B | Berpendidikan sekolah Inggeris |
| C | Penggerak Kesatuan Melayu Muda |
| D | Nasionalis berpandangan sederhana |

58

| Kaum | Persatuan |
|---|---|
| Cina | Hsing Chung Hui |
| India | Persatuan India Pusat |

Apakah persamaan persatuan kaum imigran di Tanah Melayu di atas sebelum Perang Dunia Kedua?

| | |
|---|---|
| A | Memperjuangkan perpaduan kaum |
| B | Menentang British secara radikal |
| C | Menjaga kepentingan kaum imigran |
| D | Menyokong dasar pelajaran kebangsaan |

59

| Tahun | Pertubuhan |
|---|---|
| 1900 | Persatuan Orang Cina Peranakan British |

Antara matlamat persatuan di atas ialah

| | |
|---|---|
| I | Menyatukan kaum Cina |
| II | Mewujudkan perpaduan kaum |
| III | Menggalakkan pendidikan teknikal |
| IV | Menumpukan taat setia kepada British |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | II dan III |
| C | III dan IV |
| D | Idan IV |

60

- Persatuan India Taiping
- Persatuan Kuala Lumpur
- Persatuan India Klang

↓

Persatuan India Pusat Tanah Melayu

Tujuan utama penggabungan pertubuhan di atas ialah

| | |
|---|---|
| A | Memperjuangkan hak kaum India |
| B | Memperjuangkan kemerdekaan negara India |
| C | Meningkatkan kesedaran politik di kaum India |
| D | Meningkatkan peluang pendidikan untuk kaum India |

SKEMA JAWAPAN

C

B

D

C

A

C

D

A

A

B

D

A

B

C

A

C

B

A

C

D

D

D

A

B

A

D

A

A

B

A

B

A

A

A

B

A

B

D

B

B

C

A

C

C

B

A

C

B

D

A

D

D

B

D

A

A

C

C

C

A